

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH PENDIDIKAN KHAS (SEMAKAN 2017)

PENGURUSAN KEHIDUPAN

(Masalah Pembelajaran) **TAHUN**

5

Penulis

Nor Len binti Sudar
Rostina @ Lydia binti Emping
Zulhafizsyam bin Zulkifli

Editor

Nor Azita binti Umar
Azihani binti Md. Mizan

Pereka Bentuk

Tiew Lai Boon
Ng Yoke Keow

Ilustrator

Tiew Lai Boon



DBP
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2020



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0063

KK 372-221-0102011-49-2850-20101
ISBN 978-983-49-2850-6

Cetakan Pertama 2020
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2020

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan bertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Firdaus Press Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 16 poin

Dicetak oleh:
Firdaus Press Sdn. Bhd.,
No. 28, Jalan PBS 14/4,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
Seri Kembangan,
43300 Serdang, Selangor.

PENGHARGAAN

Penerbitan pakej buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Penyelaras Projek Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Fakulti Sains Kesihatan, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam.



KANDUNGAN

PENDAHULUAN

v

PENGURUSAN DIRI

i

UNIT 1 KESUSILAN CERMINAN DIRI 2

UNIT 2 AKTIFKAN DIRIMU 11

UNIT 3 EMOSI SIHAT, HUBUNGAN ERAT 19

UNIT 4 ADAB MULIA,
AKHLAK TERPELIHARA 29

UNIT 5 RUMAHKU SELAMAT 35

UNIT 6 ASAS PERTOLONGAN CEMAS 43





KANDUNGAN

KEMAHIRAN MANIPULATIF 55

UNIT 1 PANCAINDERAKU 56

UNIT 2 KEMAHIRAN BILATERAL 77

UNIT 3 LOMPAT TINGGI-TINGGI 95



PENDAHULUAN

Buku teks *Pengurusan Kehidupan (Masalah Pembelajaran) Tahun 5* ini ditulis berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pengurusan Kehidupan (Masalah Pembelajaran) Tahun 5 yang bertujuan untuk memenuhi kehendak Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Semakan 2017. Buku teks ini disediakan berasaskan standard kandungan dan standard pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Buku ini dibina untuk membolehkan pembelajaran dilaksanakan berdasarkan keupayaan dan kebolehan yang dapat diaplikasikan oleh murid dalam kehidupan harian. Penulisan buku ini selari dengan transformasi pendidikan yang dilaksanakan mulai tahun 2011.

Kandungan bahan pengajaran dan pembelajaran yang dicadangkan dalam buku teks ini mengambil kira elemen merentas kurikulum dan elemen nilai tambah yang memberikan tumpuan terhadap elemen nilai murni, teknologi maklumat dan komunikasi, kreativiti dan inovasi, kelestarian alam sekitar serta elemen keusahawanan. Aktiviti yang disediakan juga memberikan peluang kepada murid untuk berkomunikasi, berkolaboratif dan memberikan maklum balas ke arah mencapai standard pembelajaran yang ditetapkan. Di samping itu, buku ini turut dilengkapi dengan aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) dan soalan-soalan aras rendah dan tinggi untuk menguji kemahiran murid.

Buku ini terdiri daripada dua komponen, iaitu:

Komponen Pengurusan Diri

Komponen Pengurusan Diri memberikan penekanan kepada pengetahuan dan kemahiran dalam enam aspek, iaitu Kemahiran Kendiri, Kesihatan Diri dan Reproduktif, Pengurusan Emosi dan Sosial, Adab dan Tatasusila, Penyalahgunaan Alatan dan Bahan Berbahaya serta Pertolongan Cemas.

Komponen Kemahiran Manipulatif

Komponen Kemahiran Manipulatif memberikan penekanan kepada pengetahuan dan kemahiran dalam tiga tajuk utama, iaitu sensori, motor halus dan motor kasar.

Buku ini diharapkan dapat membantu dan memenuhi keperluan murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran selaras dengan Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, 8.(1) (c) yang menyatakan:

- (1)(c) ... seseorang guru boleh membuat pengubahsuaian kepada:
 - (i) kaedah atau teknik pengajaran atau pembelajaran;
 - (ii) masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti;
 - (iii) susunan aktiviti; dan
 - (iv) bahan bantu mengajar.
- (2) ... apa-apa pengubahsuaian yang dibuat di bawah perenggan (1)(c) hendaklah mengikut kurikulum pendidikan khas.

Panel Penulis.

PENGENALAN IKON



Permulaan unit.



Subtajuk unit.



Nilai murni yang terdapat dalam proses pembelajaran.



Nombor halaman.



Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Imbas Pantas



Kod QR mengandungi video dan audio aktiviti, video kemahiran dan gambar untuk aktiviti murid.



Nombor rujukan standard pembelajaran.

NOTA GURU

Nota untuk panduan guru melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.



Idea Kreatif

Aktiviti untuk murid mengembangkan kreativiti dan berinovasi.



CERDAS MINDA

Soalan atau pernyataan yang merangsang minda untuk menggalakkan murid berkomunikasi.



Tip Keselamatan

Peringatan tentang keselamatan semasa beraktiviti.



Aktiviti pembelajaran berpusatkan murid yang dicadangkan untuk topik berkenaan.



Maklumat tambahan tentang topik yang sedang dipelajari.

PENGURUSAN DIRI





UNIT 1

KESUSILAAN CERMINAN DIRI

Ceritakan.



CERDAS MINDA

Perihalkan kawasan kejiranan anda.



Hormat

NOTA GURU

• Bimbing murid bercerita tentang situasi yang berlaku dalam gambar.



Jawatankuasa Komuniti

Fahamkan dan ceritakan.

Mesyuarat Sambutan
Hari Warga Emas



Pengerusi:

Ketua dalam persatuan. Seorang yang bertanggungjawab dan berkaliber.

Setiausaha:

Menyelaras semua aktiviti persatuan dan mahir dalam urusan surat-menyurat.

Bendahari:

Mengurus kewangan persatuan dengan jujur dan amanah.

Ahli Jawatankuasa (AJK):

Membantu melaksanakan aktiviti yang dirancang.



CERDAS MINDA

Cadangkan ahli jawatankuasa kerja yang boleh dibentuk dalam sesebuah komuniti.



Hormat

BA 2 3



NOTA GURU

- Bimbing murid mengenal fungsi setiap ahli jawatankuasa dalam sesebuah organisasi.



Semangat Kejiranan

Perhatikan dan fahamkan.



Talking Chips



Tanggungjawab diri terhadap komuniti setempat:

1. Menziarahi jiran yang mengalami kesusahan.
2. Saling membantu sesama jiran.
3. Menghormati jiran.
4. Sentiasa menyertai aktiviti dalam komuniti.
5. Sentiasa peka dan prihatin terhadap persekitaran.



CERDAS MINDA

Apakah maksud jiran? Ceritakan tentang jiran kamu.



Bertanggungjawab

BA 4 5


1.1.2

NOTA GURU

- Pelbagaikan gambar untuk aktiviti di atas.
- Bimbing murid bercerita berdasarkan pengalaman sedia ada.



Sepakat Membawa Berkat Bincangkan.



CERDAS MINDA

Ceritakan cara kamu mengeratkan hubungan dengan komuniti.



Kerjasama

BA 4 | 5

I.I.3
I.I.4

NOTA GURU

- Bimbing murid menyenaraikan aktiviti komuniti yang dilakukan di kawasan perumahan mereka.



Bagai Aur dengan Tebing Lakonkan.



Di manakah sampah ini
hendak dibuang, pak cik?

Abang Zul, bangku
ini hendak dicatkan
dengan warna apa?

Kakak, biar
Shoba siram
pokok ini.



Hafiz, boleh tolong Mak Cik Mei ambikan penyapu itu?

Puan Lila duduklah, biar saya yang menyapu.

Boleh kami bantu datuk?



CERDAS MINDA

Berikan contoh situasi lain yang kamu boleh bertemu dengan pelbagai lapisan masyarakat.



Kerjasama

BA 6

1.2.1

NOTA GURU

- Bimbing murid menyenaraikan panggilan hormat mengikut hierarki dalam komuniti.



Yang Tua Dihormati, Yang Muda Disayangi

Mari kenal.



Kakak Helda, di manakah saya perlu letakkan hamper ini?

Mari saya iring nenek dan datuk ke tempat duduk.

Dato' Chong, mari saya tunjukkan tempat duduk Dato'.

CERDAS MINDA



Dalam komuniti setempat, terdapat pelbagai lapisan masyarakat dengan panggilan hormat tertentu. Senaraikan panggilan hormat mengikut pangkat yang kamu ketahui.



Hormat

BA 7 8

1.2.2
1.2.3


NOTA GURU

- Bimbing murid menggunakan kaedah sumbang saran untuk menyenaraikan dan menggunakan panggilan hormat mengikut pangkat dalam komuniti.



Orang Berbudi, Kita Berbahasa

Perhatikan dan bincangkan.



Kepentingan mengamalkan sikap berbudi:

1. Hidup harmoni.
2. Mengukuhkan nilai murni.
3. Disenangi oleh masyarakat.
4. Dipercayai oleh orang sekeliling.
5. Menghindarkan diri daripada sikap negatif.



CERDAS MINDA

Apakah yang kamu fahami tentang budi pekerti?



Hemah tinggi

BA 9 10

1.2.4
1.2.5

NOTA GURU

- Minta murid membincangkan kepentingan berbudi pekerti dalam komuniti menerusi aktiviti *cafe*.
- Bimbing murid mengaplikasikan amalan berbudi pekerti dalam komuniti.



Idea Kreatif

Carta organisasi kelas.

Alatan dan bahan



hiasan



gam



kertas
bersaiz A4




pencetak



komputer

Langkah-langkah




Buka perisian MS Word → Klik *Insert* →
Klik *SmartArt* → Klik *Hierarchy* → Pilih
Organization Chart → Klik *OK* →
Taipkan maklumat.



Cetak.



Hiaskan.



NOTA GURU

- Pelbagaikan bentuk carta organisasi.
- Bimbing murid membuat carta organisasi menggunakan perisian MS Word.



UNIT 2

AKTIFKAN DIRIMU

Teliti dan fahamkan.



CERDAS MINDA

Sebutkan aktiviti lain yang dapat membentuk jasmani, emosi dan fizikal yang sihat.

NOTA GURU

- Bersoal jawab dengan murid tentang aktiviti fizikal dalam gambar di atas.



Keberanian



Perubahan Menuju Dewasa

Baca dan fahamkan.

Perubahan Fizikal Lelaki

- Bahu dan dada melebar.
- Zakar dan buah zakar membesar.
- Perubahan berat badan.
- Bermisai dan berjanggut.
- Halkum jelas kelihatan.

Ceramah Menuju Alam Dewasa



Tanda-tanda Akil Baligh Lelaki dan Perempuan

- Jerawat mula tumbuh.
- Tumbuh bulu pada ketiak dan bahagian ari-ari.
- Perubahan suara (lebih ketara bagi lelaki).
- Perubahan bau badan.

Perubahan Emosi Lelaki dan Perempuan

- Ego meningkat.
- Tertarik kepada jantina berlainan.
- Lebih sensitif.
- Ingin mencari identiti diri.
- Ingin berdikari.
- Ingin mencuba perkara baharu.



Akil baligh menandakan kematangan seksual dan reproduktif seseorang lelaki dan perempuan. Akil baligh biasanya berlaku pada usia antara 9 hingga 16 tahun.

Perubahan Fizikal Perempuan

- Payudara membesar.
- Punggung melebar.
- Bentuk badan berubah.
- Perubahan berat badan.



CERDAS MINDA

Adakah kamu telah mengalami tanda-tanda seperti yang di atas? Ceritakan.

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)

Kepercayaan kepada Tuhan

BA 11 | 12 | 13

2.1.1
2.1.2

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenal tanda-tanda akil baligh.




Cerikan Dirimu

Mari amalkan.



Ihtilam ialah air mani yang terkeluar akibat mimpi ketika tidur.

Jaga kebersihan diri




Makan makanan seimbang dan mengikut waktu



Tidur yang mencukupi


Basuh dan tukar cadar



**CARA
MENGURUS
DIRI APABILA
MENGALAMI
TANDA-TANDA
AKIL BALIGH**



Haid ialah darah yang keluar setiap bulan daripada rahim perempuan yang sudah baligh.



Berbasikal



Melukis



Berkebun



Bercerita dengan orang yang lebih dewasa

CARA MENGURUS EMOSI APABILA MENGALAMI TANDA-TANDA AKIL BALIGH



CERDAS MINDA



Nyatakan kesan tidak dapat mengurus diri dan emosi dengan baik semasa mengalami tanda-tanda akil baligh.

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)



Bertanggungjawab

BA 14 15

2.1.3

NOTA GURU

• Bimbing murid menjalankan aktiviti meja bulat.



Kesihatan dan Kebersihan Dijaga, Kehidupan Sempurna

Mari lakukan.



Tarik nafas
dan hembus
perlahan-lahan

Bersenam



Rehat yang
mencukupi



Makan makanan
seimbang



Banyakkan
minum air kosong





Bersihkan tubuh termasuk organ genital

Gunakan deodoran



Tukar pakaian mengikut keperluan


Pakai seluar dalam yang sesuai



Tukar tuala wanita mengikut keperluan



CERDAS MINDA

 Jelaskan kepentingan menjaga kesihatan dan kebersihan dalam kehidupan harian.

 Bertanggungjawab

BA 16

2.1.4

NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan aktiviti PAK-21 berdasarkan kaedah rally table.



Idea Kreatif

Penyental muka semula jadi.

Langkah-langkah

Bahan

- 3 hirisan tomato
- 1 sudu gula pasir
- sehelai tuala muka



1 Cuci muka dengan air suam.



2 Tekapkan hirisan tomato pada gula pasir.



3 Gosokkan tomato pada muka dan biarkan kering.



4 Cuci muka hingga bersih.



5 Lap muka dengan tuala bersih.



- Sental muka seminggu sekali supaya muka kelihatan licin dan bersih.
- Elakkan menyental pada kulit sensitif dan bermasalah.



UNIT 3

EMOSI SIHAT, HUBUNGAN ERAT

Fahamkan dan ceritakan.



CERDAS MINDA

Mengapakah kita perlu memberikan tumpuan semasa guru mengajar?

 Hormat

NOTA GURU

- Bimbing murid bercerita tentang situasi yang berlaku dalam gambar.
- Terangkan mengenai kemahiran interpersonal kepada murid.



Dam Layang-layang

Main dan lakonkan.



Cara bermain

1. Baling dadu untuk menentukan giliran.
2. Cip akan digerakkan bergantung pada angka dadu yang diperoleh.
3. Jika cip berhenti di petak yang mempunyai arahan, murid perlu melakonkannya.
4. Murid akan bermain sehingga cip mereka tiba di kotak TAMAT.

Mengemas barang selepas bermain 28	 29	TAMAT  30
Mengikut arahan 21	 20	Menunggu giliran 19
 16	Meminta maaf sekiranya bersalah  17	18
9 	Berbuat baik dengan rakan 8	Memberikan pendapat 7
4	Memberikan tumpuan semasa berinteraksi 5	 6



CERDAS MINDA

Bagaimanakah cara kamu membina hubungan baik dengan guru dan rakan?



BA 17 19

3.1.1
(i,ii,iii,
iv,v)
3.1.4

NOTA GURU

- Bimbing murid bermain dan melakonkan arahan dalam permainan mengikut kreativiti.



Hidup Bermasyarakat Bincangkan.



Kemahiran interpersonal ialah kemahiran yang digunakan ketika berkomunikasi dan bersosialisasi dengan orang lain.



Kepentingan kemahiran interpersonal:

1. Membina identiti.
2. Mendapatkan maklumat.
3. Membina kesefahaman.
4. Meningkatkan hubungan dengan keluarga, rakan dan orang sekeliling.



CERDAS MINDA

Kenal pasti kemahiran interpersonal yang terdapat dalam gambar. Terangkan.



Toleransi

BA 18 19 20

3.1.2
3.1.3
3.1.4

NOTA GURU

- Bimbing murid mengaplikasikan kemahiran interpersonal semasa berkomunikasi dan bersosialisasi.



Tokoh Kanak-kanak Perihalkan.



Olahragawan



Juara pidato kebangsaan



Ketua pengawas sekolah



Sukarelawan





Tokoh Kanak-kanak Peringkat Kebangsaan

SYAMSUL BIN GHAFAR



Ceritakan pencapaian kamu sehingga dipilih sebagai tokoh kanak-kanak peringkat kebangsaan.

CERDAS MINDA

Lakukan sesi temu bual bersama-sama dengan rakan mengenai bakat dan kebolehan diri.



Berterima kasih

BA 21

3.2.1
3.2.3

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenal pasti kebolehan diri.
- Bimbing murid melakukan aktiviti temu bual kumpulan (*team interview*).
- Bimbing murid menunjukkan kebolehan diri semasa bersosialisasi menggunakan kaedah simulasi.



Saya Boleh
Lakukan.



Kebolehan diri kamu

CERDAS MINDA

Serlahkan kebolehan diri kamu di hadapan rakan-rakan sekelas.

Keberanian

BA 21

3.2.1
3.2.3
3.2.4

NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan aktiviti kuadran (*quadrant activity*).
- Bimbing murid mengenal pasti kebolehan diri.



Insan Hebat

Amalkan.

1



Pemikiran Positif

- Berbuat baik kepada diri sendiri.
- Berbuat baik kepada orang lain.
- Menerima kelebihan dan kekurangan diri sendiri dan orang lain.



2

Penampilan Diri Menarik

- Menjaga penampilan dan kebersihan diri.
- Menjadi suri teladan.

Tingkah Laku Sopan

- Menghargai dan menghormati orang lain.
- Menuturkan kata-kata yang sopan.

3



CERDAS MINDA

Ali mempunyai prestasi yang lemah dan sukar bergaul dengan rakan. Apakah yang perlu dilakukan oleh Ali untuk meningkatkan kebolehan dirinya?



Hemah tinggi

BA 22

3.2.2
3.2.4

NOTA GURU

- Bimbing murid melakukan aktiviti main peranan (*role play*) berdasarkan maklumat di atas.



Idea Kreatif

Bekas serba guna.

Alatan dan bahan

2 biji botol yang sama saiz

gam

pisau

zip

Langkah-langkah

1



Potong bahagian bawah kedua-dua biji botol.

2



Cantumkan zip pada kedua-dua belah botol dengan menggunakan gam.

3



Hasil.



Tip Keselamatan

Berhati-hati ketika menggunakan peralatan tajam.





UNIT 4


ADAB MULIA, AKHLAK TERPELIHARA

Perihalkan.



KEBERSIHAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA

PIRAMID MAKANAN



MAKANLAH MAKANAN
SEIMBANG



CERDAS MINDA

Bersyukur dengan makanan
yang dihidangkan.
Bincangkan.



Kepercayaan kepada Tuhan



Adab Semasa Makan

Amalkan.




Cuci tangan
sebelum dan
selepas makan




Duduk dengan
sopan



Cuci dan
lap tangan



Makan dengan tertib



Makan dengan
tangan kanan



Baca doa sebelum dan selepas makan




Keperluan menjaga adab dan tatasusila semasa di meja makan:

- Melatih diri berdisiplin.
- Disenangi oleh orang lain.
- Menjaga kebersihan.
- Menjaga kesihatan tubuh badan.
- Mengelakkan pembaziran makanan.
- Menunjukkan sikap yang mulia.



Ambil makanan yang paling hampir dahulu



Ambil makanan sekadar yang perlu



CERDAS MINDA

Lakukan simulasi adab di meja makan. Rumuskan.



Kesederhanaan

BA 23 24 25 26

4.1.1
4.1.2
4.1.3
4.1.4

NOTA GURU

- Bimbing murid mengamalkan adab semasa di meja makan.



Pakaian Sopan, Indah Dipandang

Lihat dan ceritakan.



Kepentingan menjaga adab berpakaian:

1. Dihormati oleh masyarakat.
2. Menjaga maruah diri.
3. Memupuk sifat diri yang positif.



CERDAS MINDA



Mengapakah kamu tidak boleh berpakaian mencolok mata di khalayak ramai?



Kesederhanaan

BA 27/28



4.2.1
4.2.2

NOTA GURU • Bimbing murid menjaga adab berpakaian mengikut situasi.



Amalkan Berpakaian Sopan

Lihat dan fahamkan.



CERDAS MINDA

Kamu menghadiri majlis perkahwinan. Senaraikan pakaian sopan yang kamu lihat di majlis itu.



Kesederhanaan

BA 29 30

4.2.3
4.2.4

NOTA GURU

- Bimbing murid mengamalkan cara berpakaian sopan mengikut situasi.



Idea Kreatif

Lipatan tindih kasih.

Imbas Pantas



Langkah-langkah


Alatan dan bahan

sehelai *serviette*

sudu

garpu

bunga hiasan




NOTA GURU • Guru boleh mempelbagaikan bahan yang digunakan.



UNIT 5

RUMAHKU SELAMAT

Ceritakan.



CERDAS MINDA

Bagaimanakah cara kamu menjaga keselamatan diri semasa berada di rumah?



Bertanggungjawab

NOTA GURU

• Bimbing murid bercerita berdasarkan gambar.



Salah Tangani, Bahaya Menanti

Namakan alatan dan bahan yang boleh mendatangkan bahaya serta kegunaannya di rumah.



Menggosok pakaian



Mengetuk dan mencabut paku



Tempat duduk



Mengambil dan mencucuk makanan



Menggali dan meratakan tanah



Memasang dan menanggalkan skru



Membasuh pakaian



Merawat dan mengawal penyakit



Menghapuskan rumput



Menghapuskan nyamuk

CERDAS MINDA

Bagaimanakah alatan dan bahan di atas boleh mendatangkan bahaya kepada kita?

Bertanggungjawab

BA 31

5.1.1

NOTA GURU

- Minta murid menamakan alatan dan bahan yang lain serta kegunaannya.
- Laksanakan aktiviti PAK-21 yang bersesuaian seperti *spin-n-think*, *fan-n-pick* dan sumbang saran.



Penyalahgunaan Alatan dan Bahan yang Boleh Mendatangkan Bahaya

Baca dan fahamkan.

Gunakan peralatan elektrik dengan cara yang betul dan selamat.



Hindari daripada melakukannya

Penggunaan wayar penyambung yang melebihi kuasa boleh menyebabkan renjatan elektrik.


Gunakan peralatan tajam dengan cara yang betul dan selamat.



Hindari daripada melakukannya

Bermain dengan peralatan tajam akan menyebabkan kecederaan.

Berhati-hati ketika menaiki dan menuruni tangga.



Hindari daripada melakukannya

Bermain-main di kawasan tangga akan menyebabkan kecederaan.

Gunakan air dengan cermat.



Hindari daripada melakukannya

Bermain air di dalam baldi atau kolah boleh mendatangkan bahaya kepada diri.



Hot Seat Fan-n-Pick



Penyalahgunaan bahan api boleh menyebabkan kebakaran.



Penyalahgunaan bahan inhalan boleh menyebabkan keracunan dan ketagihan.



Penyalahgunaan bahan kimia boleh mendatangkan bahaya kepada diri.



Penyalahgunaan bahan kebersihan diri secara berlebihan boleh menyebabkan iritasi pada kulit dan keracunan.



CERDAS MINDA



Berikan contoh situasi penyalahgunaan alat dan bahan yang boleh mendatangkan bahaya di rumah.



Kesederhanaan

BA 32 33

5.1.2

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenal pasti penyalahgunaan bahan yang lain.
- Laksanakan aktiviti PAK-21 yang bersesuaian seperti kerusi panas (*hot seat*) dan *fan-n-pick*.







Utamakan Keselamatan

Lakukan dengan betulnya.


i) Mengurus alatan perkebunan




ii) Mengurus ubat-ubatan




iii) Mengurus alatan di dapur




Simpan alatan dan bahan di tempat yang selamat.



Lap dapur selepas digunakan.



Bersihkan alatan memasak dan simpan.



Cabut palam elektrik selepas digunakan.



CERDAS MINDA

Apakah yang akan terjadi jika alatan dan bahan berbahaya di rumah tidak diurus dengan baik?



Bertanggungjawab

BA 34

5.1.3
5.1.4

NOTA GURU

- Bimbing murid mengurus alatan dan bahan lain yang boleh mendatangkan bahaya dengan betulnya.



Idea Kreatif

Imbas Pantas




Sarung tangan ketuhar.

Alatan dan bahan



Langkah-langkah




1 Lukiskan bentuk tangan pada kertas sebagai acuan, kemudian gunting.




2 Tekapkan acuan pada kedua-dua kain dan span, kemudian gunting. Sediakan dua set.



3 Susunkan dua kain dan span. Pastikan span berada di tengah-tengah. Jahit lilit ubi di sekelilingnya. Ulangi langkah untuk set kedua.



4 Cantumkan kedua-dua set dan jahit lilit ubi di bahagian sisi dan atas sarung tangan.





UNIT 6

ASAS PERTOLONGAN CEMAS

Ceritakan.



CERDAS MINDA

Mengapakah kita perlu membantu rakan yang cedera? Ceritakan.



Baik hati

NOTA GURU

- Bimbing murid bercerita tentang situasi kecemasan yang terdapat dalam gambar.




Asas Bantu Mula

Sedia membantu.

LANGKAH-LANGKAH KEMAHIRAN ASAS

Kenal pasti masalah kecemasan.



Memberikan rawatan kecemasan sehingga bantuan sampai.



- Berikan bantuan awal.
- Buat yang kamu tahu.

Jangan tinggalkan mangsa bersendirian.

Tunggu pasukan keselamatan tiba.




- Asas bantu mula ialah bantuan yang diberikan sebelum ketibaan pakar perubatan.
- Tujuan asas bantu mula adalah untuk menyelamatkan nyawa, mengelakkan kecederaan menjadi lebih serius dan mendapatkan rawatan.

BANTU MULA



- Jangan salah guna talian kecemasan 999.
- Simpan nombor telefon pasukan keselamatan yang terdekat.

Membuat keputusan untuk bertindak.



Jangan panik.



Pantau situasi dan sedia membantu.



Minta bantuan daripada orang sekeliling.

Menghubungi pasukan kecemasan.



1. Hubungi talian kecemasan **999**

2. Beritahu jenis kecemasan


3. Beritahu maklumat lengkap

5. Komunikasi dengan **agensi** kecemasan

4. Tunggu di talian

PANDUAN
MENGUNAKAN
TALIAN KECEMASAN
999

CERDAS MINDA

 Kemahiran asas bantu mula sangat penting ketika berlaku kecemasan. Bincangkan.



Bertanggungjawab

BA 35 36

6.1.1
(i, ii, iii,
iv)

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kepentingan kemahiran asas bantu mula ketika kecemasan.
- Bimbing murid memahami kepentingan membuat keputusan sebelum bertindak mengaplikasikan kemahiran asas bantu mula.



Kepentingan Asas Pertolongan Cemas

Baca dan fahamkan.



Apakah pertolongan cemas?

Pertolongan cemas ialah rawatan sementara yang diberikan kepada mangsa sebelum ketibaan bantuan perubatan.



Pertolongan cemas mengandungi tiga perkara penting, iaitu:

1. Menentukan punca dan jenis kesakitan atau kecederaan.
2. Memberikan rawatan dengan kadar segera.
3. Mengatur pesakit untuk terus dibawa ke klinik atau hospital berdekatan.

KEPENTINGAN LATIHAN ASAS PERTOLONGAN CEMAS



Sifat-sifat ahli pertolongan cemas:

- Tajam perhatian.
- Pantas ikhtiar.
- Tidak kasar.
- Berpengetahuan.
- Bertimbang rasa.
- Sentiasa tersenyum.
- Memberikan pertolongan sekadar yang tahu sahaja.





Round Table

1

Menambah pengetahuan yang boleh digunakan semasa kecemasan.



2

Menghulurkan bantuan untuk menyelamatkan nyawa mangsa.



3

Membantu mengurangkan kesakitan yang dialami oleh mangsa serta menghadkan kesan kecederaan.



CERDAS MINDA

Di manakah kamu boleh belajar tentang latihan asas pertolongan cemas?



Bertanggungjawab

BA 37

6.1.2

NOTA GURU

- Bimbing murid melaksanakan aktiviti meja bulat (*round table*).



Bertindak Mengikuti Keadaan Rawat dengan betulnya.




Cikgu, ini kit
pertolongan
cemasnya.

Asas bantu mula merawat luka menggunakan teknik 2C.

1. *Clean* - Bersihkan luka daripada sebarang kekotoran.
2. *Cover* - Tutup luka dengan kain kasa atau plaster.




Minta mangsa duduk dan bertenang.



Pakai sarung tangan perubatan sebelum merawat.



Bersihkan luka daripada sebarang kekotoran dengan air bersih dan keringkan.



Sapukan antiseptik pada luka dan balut dengan plaster.



CERDAS MINDA



Mengapakah luka perlu dirawat dengan segera?



Baik hati

BA 38 41

6.1.3
6.1.4

NOTA GURU

- Bimbing murid menunjuk cara beberapa latihan asas pertolongan cemas.



Malang Tidak Berbau

Ceritakan fungsi alatan dan bahan kit pertolongan cemas.




Along, mari kita rawat luka Aiman.



kapas



plaster



krim antiseptik



Kit pertolongan cemas:


Kit pertolongan cemas ialah peti atau kotak yang mengandungi peralatan pertolongan cemas dan bekalan perubatan.

Kit pertolongan cemas mestilah:

- Mudah dikenal pasti, terang dan senang diambil.
- Disimpan di tempat yang kering.
- Disimpan di tempat yang tidak mudah dicapai oleh kanak-kanak.

Kandungan kit pertolongan cemas:

- Mencukupi, mengikut kegunaan dan diperiksa dengan kerap.
- Dilabelkan dengan jelas dan tidak luput tarikh.



putik kapas



normal saline




kain kasa



sarung tangan



kain anduh



gunting



CERDAS MINDA

Kumpulkan gambar pelbagai jenis kit pertolongan cemas.



Kasih sayang

BA 39/40

6.2.1
6.2.2

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenal kit pertolongan cemas.
- Bimbing murid bercerita mengenai kit pertolongan cemas berdasarkan pengalaman sedia ada.



Cara Penggunaan Alatan dan Bahan Kit Pertolongan Cemas

Lakukan dengan telitinya.




1 Cuci tangan sebelum merawat luka.



2 Pakai sarung tangan sebelum merawat.



3 Bersihkan luka dengan menggunakan *normal saline*.



4 Gunakan putik kapas untuk menyapu krim antiseptik.



5 Tutup luka menggunakan kain kasa.



CERDAS MINDA

Tunjukkan cara penggunaan alatan dan bahan kit pertolongan cemas untuk merawat kecederaan bengkak pada dahi.



Kasih sayang

BA 41

6.2.3


NOTA GURU

• Bimbing murid cara merawat kecederaan ringan yang lain.



Urus dengan Bijak

Amalkan.



Langkah-langkah penjagaan alatan dan bahan kit pertolongan cemas

1. Sediakan senarai semak alatan dan bahan.
2. Periksa kandungan kit pertolongan cemas bagi memastikan alatan dan bahan mencukupi dan tidak luput tarikh.
3. Bersihkan alatan selepas digunakan.
4. Pastikan semua alatan dan bahan di dalam kit pertolongan cemas disusun secara sistematik dan disimpan di tempat yang selamat.

Contoh senarai semak

Bil.	Alatan dan bahan	Tarikh luput	Catatan
1	Kapas		
2	Putik kapas		
3	Kain kasa		
4	Kain anduh		
5	Sarung tangan		
6	Gunting		
7	Krim antiseptik		
8	Normal saline		



CERDAS MINDA

Mengapakah alatan dan bahan di dalam kit pertolongan cemas perlu dijaga dengan baik dan selamat?



Bertanggungjawab

BA 42

6.2.4

NOTA GURU

- Bimbing murid mengurus alatan dan bahan kit pertolongan cemas dengan sistematik.



Idea Kreatif

Kad kecemasan.

Alatan dan bahan

kertas keras

plastik laminat

Imbas Pantas



gambar
kenderaan

pembaris

pensel

gam

gunting


Langkah-langkah




1 Lipat kertas dan tandakan garisan 6 cm. Guntingkan garisan tersebut.



2 Lipat bahagian yang digunting.



3 Buka lipatan dari dalam.



4 Lekatkan gambar dan labelkan.



5 Lekatkan nombor 999 dan hiaskan.



KEMAHIRAN MANIPULATIF





UNIT 1

PANCAINDERAKU

Perhatikan dan ceritakan.





CERDAS MINDA

Kombinasi rasa dan hiasan menjadikan sesuatu juadah sangat menarik. Ceritakan juadah yang pernah menarik perhatian kamu.



Kesederhanaan

BA 2 3







NOTA GURU

- Ingatkan murid tentang pembelajaran sensori yang pernah mereka pelajari semasa tahun 4. Minta murid menyebut deria yang terlibat serta fungsinya.



Corak Kreatif

Kenal pasti objek di bawah.



CERDAS MINDA

Di manakah kamu biasa melihat objek di atas?



Keberanian

BA 44

I.I.I
(i,ii)






NOTA GURU • Bimbing murid mengenal pasti objek hasil susunan blok parket.



Pengamatan Penglihatan

Teka gambar seterusnya. Kemudian, ceritakan.

Imbas Pantas



CERDAS MINDA



Bina satu analogi bergambar mengikut kreativiti kamu.



Kerajinan

BA 45

1.1.1
(ii)
1.1.2





NOTA GURU

- Bimbing murid mengimbas kod QR dan mengenal pasti susunan analogi bergambar yang disediakan.
- Bimbing murid membina satu analogi bergambar mengikut kreativiti sendiri.







Cuba Bina

Mari bina objek di bawah.



Imbas Pantas



CERDAS MINDA

Fikirkan dan hasilkan objek selain objek di atas. Ceritakan ciri-cirinya.



Kerjasama

BA 46

1.1.2
1.1.3
1.1.4

NOTA GURU

- Imbas kod QR dan cetak gambar tersebut. Guntingkan bentuk untuk aktiviti di atas.
- Bimbing murid melakukan aktiviti dalam kumpulan kecil.
- Pelbagaikan gambar dan objek.





Cerita Dongeng

Dengar dan fahamkan.



Cerita dongeng ialah cerita khayalan yang diada-adakan dan sangat digemari oleh kanak-kanak sebagai pengajaran dan teladan.



CERDAS MINDA

Apakah cerita pendek yang menjadi kegemaran kamu? Kongsi cerita tersebut bersama-sama dengan rakan.

Imbas Pantas



Berterima kasih

BA 47/48

1.2.1
1.2.2

NOTA GURU

- Imbas kod QR. Perengarkan cerita tersebut kepada murid.
- Bimbing murid mengenal pasti tajuk cerita pendek yang diperdengarkan.
- Bimbing murid mengulang semula beberapa ayat dalam cerita pendek.



Cerita Legenda

Dengar dan ceritakan.




Cerita legenda ialah kisah nyata yang sering ditokok tambah dengan unsur fantasi.


1



2



3



4



CERDAS MINDA

Senaraikan pengajaran yang terdapat dalam cerita di atas menggunakan peta buih.

Imbas Pantas



Hemah tinggi

BA 51

1.2.1
1.2.4

NOTA GURU

- Imbas kod QR. Perdengarkan cerita tersebut kepada murid.
- Bimbing murid mengenal pasti tajuk cerita pendek yang diperdengarkan.
- Bimbing murid menceritakan semula cerita yang didengari dengan gaya tersendiri.






Cerita Mitos

Dengar dan susun gambar mengikut turutan cerita.



Cerita mitos ialah cerita rekaan tetapi masyarakat tradisional mempercayai bahawa mitos itu benar-benar berlaku.



CERDAS MINDA

Senaraikan pengajaran yang terdapat dalam cerita ini.

Imbas Pantas



Kasih sayang

BA 49/50

1.2.1
1.2.2
1.2.3
1.2.4

NOTA GURU

- Imbas kod QR. Perengarkan cerita tersebut kepada murid.
- Bimbing murid mengenal pasti tajuk cerita pendek yang diperdengarkan.
- Bimbing murid membuat penceritaan semula dengan gaya sendiri.
- Perbanyak halaman untuk aktiviti menyusun.



Deria Sentuh

Sentuh dan pegang. Kenal pasti objek berbulu, berbiji dan melekit.



CERDAS MINDA

Sebutkan kepentingan deria sentuh dalam kehidupan.



Kepercayaan kepada Tuhan

BA 52 53

1.3.1
(i, ii, iii)
1.3.2
1.3.4

NOTA GURU

- Minta murid mengenal pasti dan mengelaskan objek atau bahan melalui sentuhan.
- Laksanakan aktiviti *fan-n-pick*.
- Bimbing murid menghubungkan objek atau bahan di sekeliling melalui sentuhan.




Papan Sentuh

Mari lakukan.




Team Project

Alatan dan bahan




Langkah-langkah

2



Lukiskan litar atau corak menggunakan pensel.

3



Guntingkan atau potong bahan mengikut kesesuaian.

1



Cantumkan dua kadbod menggunakan pita perekat.

4



Tampilkan semua bahan pada kadbod.

C

Tip Keselamatan

Berhati-hati ketika menggunakan peralatan tajam.

5



Susun kesemua bahan sehingga selesai.



Hasil.



CERDAS MINDA

Bincangkan fungsi deria sentuh kepada manusia.



Kerajinan

BA 54

1.3.3

NOTA GURU

- Bimbing murid melakukan aktiviti.
- Pelbagaikan bahan yang mempunyai tekstur berbeza yang mudah didapati.
- Minta murid membuat papan sentuh mengikut kreativiti.



Teka Bau

Hidu dan sebut bau.



CERDAS MINDA

Nyatakan cara lain untuk mengenal pasti makanan yang elok, basi atau rosak.



Berterima kasih

BA 55 56

1.4.1

NOTA GURU • Sediakan pelbagai bahan untuk aktiviti di atas.



Makanan Berkhasiat, Badan Sihat


Pilih makanan yang selamat berdasarkan bau.



Susu segar




Sup tulang merah



Kailan goreng



Sate



Nangka



Ciri-ciri makanan elok:

- Pejal.
- Segar.
- Berwarna cerah.
- Teksturnya elok.
- Belum luput tarikh.



Kesederhanaan



CERDAS MINDA

Nyatakan kepentingan bau semasa memilih makanan.

BA 55 56 57 58

1.4.3
1.4.4

NOTA GURU

- Bimbing murid mengamalkan cara pemilihan makanan yang betul.
- Sediakan pelbagai makanan yang berbau untuk aktiviti di atas.



Sama Tetapi Tidak Serupa

Bandungkan bau dan pilih.

Makanan elok



Bau segar



Bau harum



Makanan basi/rosak



Bau masam



Bau hapak



Tip Keselamatan

Pastikan makanan selamat untuk dimakan. Jika berbau atau rosak, buangkan ke dalam tong sampah.


Bau segar

Bau harum

Bau rempah

Bau masam

Bau tengik

Bau masam

CERDAS MINDA

Apakah yang akan terjadi jika kamu termakan makanan yang telah basi atau rosak? Ceritakan.


Kerajinan
BA 55 56 57
**1.4.2
1.4.3**
NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan aktiviti sama-beza (*same-different*).
- Sediakan pelbagai makanan untuk aktiviti di atas.



Enak dan Lazat

Lihat makanan di bawah.
Sebutkan rasanya.

Pedas



Masin



Rasa Makanan
dan Minuman

Manis



Masam



Pahit



Tawar



Recap, Rewind & Represent

Langkah aktiviti:

1. Murid berbincang secara berkumpulan.
2. Murid diminta mengelaskan makanan atau minuman mengikut rasa yang telah dipelajari.
3. Setiap kumpulan diminta membentangkan dan menampakan hasil kerja di papan putih.
4. Guru memberikan penilaian.



Payau: Rasa air yang agak masin.

CERDAS MINDA

Senaraikan minuman yang mempunyai rasa yang payau.



Kepercayaan kepada Tuhan

BA 59 60 61

1.5.1
(i, ii, iii,
iv, v,
vi, vii)
1.5.2

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenal pasti rasa makanan atau minuman selain di atas.



Hubung Kait Rasa Makanan dan Minuman

Lihat peta titi dan fahamkan.



CERDAS MINDA

Andaikan semua makanan tiada rasa.
Bincangkan.



Kepercayaan
kepada Tuhan

BA 61

1.5.2
1.5.3

NOTA GURU

- Bimbing murid melaksanakan aktiviti jaring kata kumpulan (*team word-web*).



Emping Jagung Berempah

Mari sediakan.

Bahan



Langkah-langkah



1 Panaskan mentega. Masukkan daun kari, gula pasir dan cili.



2 Masukkan serbuk telur masin. Kacau sehingga warnanya keemasan.



3 Masukkan emping jagung dan gaul sehingga rata.



Hidangkan.



CERDAS MINDA

Kenal pasti rasa yang terdapat dalam emping jagung berempah.



Kesederhanaan

BA 62

1.5.4

NOTA GURU

- Bimbing murid melaksanakan aktiviti di atas.
- Emping jagung boleh diubah suai dengan menggunakan udang atau ketam.



Idea Kreatif

Telur rebus tiga rasa.

Bahan

Bahan A:

- 1 biji tomato (dipotong dadu)
- 1 biji bawang besar (dihiris)
- 2 biji cili padi (dipotong)
- 1 gram belacan
- 6 sudu besar air asam jawa
- 1 sudu besar gula pasir
- sedikit garam halus

Bahan lain:

- 3 biji telur rebus (dibelah dua)
- 2 biji limau kasturi (dibelah dua)

Langkah-langkah




1 Gaulkan bahan A di dalam mangkuk.




2 Kemudian, perahkan limau kasturi.



3 Gaulkan semua bahan.



4 Tuangkan bahan tadi ke atas telur.



5 Hidangkan.



UNIT 2

KEMAHIRAN BILATERAL

Lihat dan fahamkan.



CERDAS MINDA

Berdasarkan gambar di atas, sebutkan pergerakan yang dilakukan oleh mereka.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenal pasti pergerakan motor halus berdasarkan gambar.

Keberanian




Cef Cilik

Mari lakukan.

Pertandingan Cef Cilik

Syarat pertandingan:

1. Setiap kumpulan mesti menyediakan menu utama bebola roti istimewa.
2. Menu tambahan: Aiskrim belahan jiwa
3. Masa penyediaan: 30 minit.



Meracik

Menyagat



Mengupas

Menu utama Bebola Roti Istimewa



Bahan:

- 4 keping roti (potong bahagian tepi)
- 1 batang lobak merah
- 2 helai daun bawang
- 20 gram daging ayam kisar (digoreng)
- 5 sudu besar tepung gandum
- 2 sudu besar air
- $\frac{1}{2}$ sudu teh gula
- $\frac{1}{2}$ sudu teh garam

Langkah-langkah:

1. Kupas lobak merah, kemudian sagatkan halus.
2. Racik halus daun bawang.
3. Carikkan roti menjadi cebisan kecil.
4. Gaulkan semua bahan hingga sehati.
5. Uli dan bentukkan bahan menjadi bebola kecil.
6. Goreng bebola sehingga perang dan hidangkan.



CERDAS MINDA

Senaraikan buah-buahan yang boleh dikupas tanpa alatan.



Kerajinan

BA 63 64

2.1.1
(i, ii, iii)
2.1.2
2.1.3

NOTA GURU

- Bimbing murid melakukan simulasi kemahiran.
- Bimbing murid menyediakan hidangan mengikut kreativiti berdasarkan kemahiran yang dipelajari.



Mari Membasuh Baju Lakukan.



Memberus



Memerah



Mengibas



Menyidai


CERDAS MINDA

Pada pendapat kamu, mengapakah pakaian perlu diurus dengan baik?



Bertanggungjawab

BA 66

2.1.1
(iv,v,vi,
vii)
2.1.2
2.1.3

NOTA GURU

- Bimbing murid bercerita mengikut pengalaman sedia ada semasa mengurus pakaian dan simulasikan.



Eksplorasi Bilateral

Peter dan rakan-rakan sedang menyediakan bahan untuk membuat popia basah. Lakonkan aktiviti yang mereka lakukan.



Setelah selesai melakukan aktiviti, Peter dan rakan-rakan membersihkan apron, tuala kecil dan topi yang telah digunakan.



CERDAS MINDA

Ceritakan cara kamu mengurus peralatan di dapur selepas digunakan.



Bertanggungjawab

BA 63 64 65 66

2.1.1
(i, ii, iii, iv,
v, vi, vii)
2.1.2
2.1.3

NOTA GURU

- Bimbing murid melakukan aktiviti di atas.
- Pelbagaikan bahan dan alatan yang digunakan untuk kemahiran yang dipelajari.



Jarum dan Benang


Fahamkan dan praktikkan.



Tip Keselamatan

Berhati-hati semasa menggunakan jarum.


Mencucuk, menarik dan mengikat



Masukkan benang ke dalam lubang jarum.



Tarik benang.



Ikut hujung benang.



Cucukkan jarum dari bawah kain dan tarik ke atas.



CERDAS MINDA

Mengapakah alatan seperti penyapu lidi, langsir dan tali kasut perlu diikat? Bincangkan.



Kerajinan

BA 67 68

2.2.1
(i,ii)
2.2.2

NOTA GURU

• Bimbing murid melakukan simulasi aktiviti di atas.



Jahit Jelujur Kasar

Mari lakukan.

Alatan dan bahan



kain *cross-stitch*



gunting



alat memasukkan
benang




benang




jarum


Langkah-langkah



Masukkan benang ke dalam lubang jarum dan tarik.




Ikat hujung benang.




Cucuk jarum dari bawah kain dan tarik ke atas.



Cucuk jarum ke bawah dan ke atas secara berulang.



Akhir sekali, ikat hujung benang.



Hasil jahitan jelujur kasar.



CERDAS MINDA

Jalankan amali menjahit jelujur kasar dengan menambahkan bahan hiasan.

Imbas Pantas



Kerajinan

BA 67 68 69

2.2.3

NOTA GURU

- Bimbing murid menjahit jelujur kasar.
- Bahan hiasan boleh dipelbagaikan mengikut kreativiti.



Kebersihan Asas Kesihatan

Lihat dan fahamkan.

Menyapu



Cara memegang penyapu dengan cara yang betul.



Menyapu sampah.



Menyapu sampah ke dalam penadach sampah.

Mengelap



Sembur meja dengan cecair pembersih.



Lap meja menggunakan tuala.



Meja bersih.



CERDAS MINDA

Apakah yang terjadi jika rumah kamu tidak disapu dan dilap?



Bertanggungjawab

BA 67 68

2.2.1
(iii, iv)
2.2.2

NOTA GURU

- Bimbing murid cara memegang penyapu dengan betulnya.
- Bimbing murid cara mengelap dengan betulnya.



Kebersihan Kelas Tanggungjawab Bersama Mari lakukan.



Team Project



CERDAS MINDA

Perihalkan cara kamu menggunakan kemahiran yang dipelajari untuk menceriakan kediaman.



Bertanggungjawab

BA 67 68 70

2.2.3

NOTA GURU

- Bimbing murid cara menyapu, mengelap dan mengikat dengan betulnya.
- Bimbing murid bekerja secara berkumpulan.



Menepuk, Memukul dan Menggongcang

Lakukan aktiviti di bawah.

Menepuk



Memukul



Menggongcang



CERDAS MINDA

Namakan alat muzik lain yang menggunakan pergerakan seperti yang di atas.



Keberanian

BA 67/68

2.2.1
(v,vi,
vii)
2.2.2

NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.



Irama Perkusi

Lakukan bersama-sama mengikut lagu.



CERDAS MINDA

Hasilkan buku skrap tentang alat muzik yang dimainkan secara menepuk, memukul dan menggoncang.

Imbas Pantas

Adaptasi daripada lagu rakyat
Dayung Sampan:
Zaiton Mohamad
dan Lee Chai Huat



Kerjasama

BA 68 71

2.2.1
(v, vi,
vii)
2.2.3

NOTA GURU

- Imbas kod QR dan perengarkan lagu kepada murid.
- Bimbing murid memainkan alat muzik di atas mengikut lagu.
- Bimbing murid mengenal alat muzik selain di atas.



Tanganku Serba Boleh Lakukan.



Melambung




Menyambut



Menjentik





CERDAS MINDA

Apakah permainan dalaman lain yang kamu tahu?



Kepercayaan kepada Tuhan

BA 72

2.3.1
(i, ii, iii,
iv, v,
vi)
2.3.2

NOTA GURU

- Bimbing murid melakukan simulasi yang melibatkan kemahiran visual motor.




Bingkai Gambar Lakukan.

Alatan dan bahan



Langkah-langkah



1. Guntingkan kertas secara memanjang.




2. Gulung kertas yang sudah digunting.



3. Tampilkan foto pada kotak.



4. Tampilkan dan susun gulungan kertas pada sekeliling foto.



5. Gamkan tali pada belakang kotak.



CERDAS MINDA

Hasilkan kraf lain yang melibatkan gabungan kemahiran yang telah dipelajari.



Kerajinan

BA 73 74

2.3.2
2.3.3

NOTA GURU

- Bimbing murid melakukan kemahiran visual motor dalam aktiviti kraf.



Permainan Tudung Botol

Mari bermain.

1



2



3



4



CERDAS MINDA

Selain permainan tudung botol, apakah permainan lain yang menggunakan kemahiran menjentik?



Toleransi

BA 72 73

2.3.2
2.3.3

NOTA GURU

- Bimbing murid melakukan kemahiran visual motor dalam aktiviti permainan tradisional.





Idea Kreatif

Bunga hiasan.

Alatan dan bahan

- kertas warna
- gunting
- gam dan pita pelilit
- pensel dan pembaris

Langkah-langkah



NOTA GURU

- Bimbing murid melakukan aktiviti yang melibatkan kemahiran visual motor.
- Pelbagaikan aktiviti kraf mengikut kreativiti.



UNIT 3

LOMPAT TINGGI-TINGGI

Lihat dan ceritakan.



CERDAS MINDA

Apakah nama permainan di atas?



Keberanian

NOTA GURU

- Terangkan maksud motor kasar kepada murid.
- Minta murid menyebut nama anggota badan yang terlibat dalam pergerakan di atas.



Lompat Si Katak Lompat

Mari lakukan.





CERDAS MINDA

Apakah sukan atau permainan yang menggunakan kemahiran melompat?



Keberanian

BA 75767778

3.1.1
(i,ii,iii)
3.1.2
3.1.3

NOTA GURU

- Bimbing murid melompat dengan postur yang betul dan selamat.



Biasakan yang Betul, Betulkan yang Biasa

Perhatikan dan lakukan.

1



Bengkokkan lutut untuk persediaan melompat.

2



Lonjakkan badan ke atas.

3



Badan di udara.
Tangan ke atas.

4



Mendarat dengan membengkokkan lutut untuk menyerap daya.



CERDAS MINDA

Nyatakan kepentingan melompat dengan postur yang betul.



Kerajinan

BA 75 76 77 78

3.1.2


NOTA GURU

• Bimbing murid melompat dengan postur yang betul.



Jengket, Oh Jengket!

Lakukan.



CERDAS MINDA

Nyatakan situasi lain yang memerlukan kemahiran berjengket selain situasi di atas.



Keberanian

BA 79


3.2.1

NOTA GURU

- Bimbing murid menjengket dengan betulnya dan selamatnya.



Ceria Bersama Lakukan.



CERDAS MINDA

Cipta satu permainan dengan memasukkan kemahiran berjengket.



Kerjasama

BA 80

3.2.2

NOTA GURU • Bimbing murid menjengket dengan postur yang betul.



Menari Bersama

Lakukan.



CERDAS MINDA

Buat satu persembahan pergerakan kreatif bersama-sama dengan rakan dengan memasukkan pergerakan berjengket.

Imbas Pantas



Kerjasama

BA 81 | 82

3.2.3


NOTA GURU

- Bimbing murid membuat persembahan dengan melakukan pergerakan imbalan badan sambil menjengket.



Gerakkan Tangan dan Kaki Lakukan.



Menguak



Mengayuh



Menolak



CERDAS MINDA

Ciptakan satu permainan kecil menggunakan pergerakan kaki dan tangan.



Bertanggungjawab

BA 83

3.3.1
(i, ii, iii)
3.3.2
3.3.3

NOTA GURU

- Bimbing murid melakukan pergerakan lain menggunakan kaki dan tangan.



Saya Boleh

Lakukan dengan betulnya.



CERDAS MINDA

Buat buku skrap tentang permainan luar yang menggunakan kemahiran menendang.



Keberanian

BA 84

3.3.1
(iv)
3.3.2
3.3.3

NOTA GURU

- Bimbing murid melakukan aktiviti menendang selain di atas.
- Minta murid mencari bahan untuk membuat buku skrap daripada laman sesawang.



Riang Ria Sukaneka

Lakukan dengan penuh keyakinan.

Stesen 1

Stesen 2

Mengayuh
(20 kali)

Menguak



Stesen 4

Stesen 3

Menendang

Menolak

CERDAS MINDA

Rancang satu aktiviti sukaneka yang melibatkan pergerakan kaki dan tangan.

Keberanian

BA 83 84

3.3.1
(i,ii,
iii,iv)
3.3.2
3.3.3

NOTA GURU

- Bimbing murid merancang aktiviti sukaneka mengikut kreativiti.



Idea Kreatif



Presentation

Permainan lompat getah.

Imbas Pantas




Alatan



Langkah-langkah

1



Ikat getah

2



Hasil



NOTA GURU

• Imbas kod QR untuk melihat cara mengikat getah.